

YAYASAN PAHANG

3. BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada bayaran balik pinjaman diuruskan dengan teratur mengikut akta, peraturan dan pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa.

APA YANG SEPATUTNYA



Bayaran balik pinjaman **mengikut jadual**

Penalti dikenakan



APA YANG BERLAKU



RM488,261

Bayaran pinjaman **tertunggak**



RM215,246

Penalti tidak dikenakan



RM488,261
KEHILANGAN HASIL



RM215,246
KERUGIAN

RUMUSAN AUDIT



Bayaran balik pinjaman pendidikan tidak diuruskan dengan teratur disebabkan ketidakpatuhan kepada akta, peraturan dan pekeliling berkaitan oleh YP.

2

**SYOR
AUDIT**

YAYASAN PAHANG

3. BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN

FAKTA UTAMA

RM590.80 Juta Pinjaman pendidikan sehingga tahun 2021	RM10.20 Juta Pembiayaan pinjaman pendidikan tahun 2021
41,343 Peminjam pinjaman pendidikan sehingga 31 Disember 2021	RM76.66 Juta Tunggakan pinjaman tahun 2021 melibatkan 14,893 peminjam

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Pahang (YP) menawarkan pinjaman pendidikan untuk Anak Negeri Pahang yang mendapat tawaran dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan visi dan misi YP sejak penubuhannya pada 18 Disember 1982. Visi YP adalah untuk menjadi Yayasan Negeri terunggul demi memartabatkan masyarakat yang berilmu pengetahuan bertaraf dunia. Misi YP pula adalah menggalakkan peningkatan transformasi pendidikan masyarakat Pahang demi melahirkan modal insan berpengetahuan tinggi, berketerampilan, berkemahiran, matang dan seimbang; serta memperluaskan peluang mendapat pendidikan dan latihan yang berkualiti.

1.2. Sehingga 31 Disember 2021, YP telah memberi pinjaman pendidikan sejumlah RM590.80 juta kepada 41,343 peminjam. Pada tahun 2021, YP telah membiayai sejumlah RM10.20 juta pinjaman pendidikan. Tunggakan pinjaman pendidikan YP sehingga 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM76.66 juta melibatkan 14,893 peminjam.

1.3. Mulai tahun 2014, YP telah mengguna pakai Sistem Pengurusan Pinjaman Pendidikan Yayasan Pahang (SISPEN) secara berperingkat untuk merekodkan maklumat pinjaman pendidikan bagi menggantikan sistem yang lama, iaitu Sistem Pinjaman Pendidikan. Pada tahun 2013, Pengauditan Pengurusan Pinjaman Pendidikan Yayasan Pahang telah dijalankan di YP serta dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2013 Siri 1.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan sama ada bayaran balik pinjaman YP diuruskan dengan teratur mengikut akta, peraturan dan pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap bayaran balik pinjaman pendidikan di Unit Bayaran Balik, Bahagian Operasi YP bagi tahun 2021. Semakan telah dijalankan terhadap rekod pinjaman bagi 95 peminjam yang masih tertunggak melebihi 15 tahun selepas tamat tempoh bayaran balik berjumlah RM488,261.

3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat berkaitan dan temu bual serta perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan ini telah dijalankan pada 2 hingga 22 Disember 2021 dan maklum balas daripada YP telah diterima pada 19 Mei 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 1 September 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Tidak Teratur

4.1.1. Perjanjian Pinjaman Pendidikan Fasal 3, Bayaran Balik Jumlah Pinjaman, menyatakan pinjaman hendaklah dibayar balik mengikut jadual dan fasa pembayaran balik atau apa-apa kaedah atau cara yang ditetapkan kemudian oleh YP selepas enam bulan pelajar menamatkan kursus pengajian atau latihannya.

4.1.2. Perjanjian Pinjaman Pendidikan Fasal 3 (i) pula menyatakan jika pelajar gagal membayar mengikut jadual dan fasa pembayaran balik atau apa-apa kaedah atau cara yang ditentukan kemudian oleh YP, penalti sebanyak 4% setahun ke atas baki pinjaman akan dikenakan.

4.1.3. Perjanjian Pinjaman Pendidikan Fasal 3 (iv) juga menetapkan YP berhak membuat tuntutan/mendakwa peminjam bagi menuntut balik pinjaman atau mana-mana wang yang masih terhutang. Tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas peminjam yang gagal membuat bayaran balik setelah peringatan dikeluarkan kepada peminjam dan penjamin.

4.1.4. Prosedur Bayaran Balik Pinjaman YP, Perenggan 7.5.1 menetapkan sekiranya peminjam mempunyai tunggakan melebihi tiga bulan, surat peringatan akan dihantar kepada peminjam dan kedua-dua penjamin. Perenggan 7.5.4. pula menyatakan tindakan undang-undang yang boleh diambil adalah mengeluarkan *Notice of Demand* (NOD), saman, penghakiman ingkar, saman penghutang penghakiman, bankrap dan sita.

4.1.5. Akta Had Masa 1953 (Akta 254), Seksyen 6(1) menetapkan tiada sebarang tindakan boleh dibuat untuk mendapatkan kembali tunggakan bayaran balik pinjaman selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh perjanjian matang.

4.1.6. Semakan Audit terhadap 95 peminjam yang masih tertunggak melebihi 15 tahun selepas tamat tempoh bayaran balik mendapati perkara seperti berikut:

a. Pinjaman Tidak Pernah Dibayar Berjumlah RM132,845 dan Penalti Tidak Dikenakan Berjumlah RM84,461

Seramai 40 atau 42.1% peminjam tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM132,845. Selain itu, tiada rekod penalti dikenakan kepada kesemua peminjam tersebut. Berdasarkan pengiraan Audit, jumlah penalti yang sepatutnya dikenakan kepada peminjam adalah berjumlah RM84,461. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMINJAM YANG TIDAK PERNAH MEMBUAT BAYARAN BALIK
MELEBIHI 15 TAHUN SELEPAS TAMAT TEMPOH JADUAL BAYAR BALIK

BIL.	NOMBOR FAIL PEMINJAM	BULAN TERAKHIR JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	PENALTI SEPATUTNYA DIKENAKAN MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT* (RM)
1.	A 304XXXX/952/UITMB/1995	Januari 2000	1,300.00	1,087.84
2.	740618-04-XXXX/952/UITMB/1995	Julai 2000	1,750.00	1,446.90
3.	A382XXXX/961/UNISZA/1996	Mei 2001	2,200.00	1,723.04
4.	770116-06-XXXX/971/UPMT/1997	Oktober 2001	1,750.00	1,341.90
5.	A364XXXX/961/UITMA/1996	Disember 2001	2,500.00	1,900.00
6.	790510-06-XXXX/972/PS/1997	April 2002	1,500.00	1,120.20
7.	820914-06-XXXX/1/PR-SPM/2000	Ogos 2002	1,600.00	1,173.12
8.	A382XXXX/961/PRA SAINS IKIP/1996	Mei 2003	5,000.00	3,516.00
9.	740125-06-XXXX/941/UITMB/1994	Mei 2003	2,500.00	1,758.00
10.	780324-06-XXXX/971/PD/1997	Jun 2003	2,500.00	1,750.00
11.	790704-06-XXXX/992/PK/1999	September 2003	2,500.00	1,725.00
12.	820608-06-XXXX/1/PR-SPM/2000	September 2003	1,800.00	1,242.00
13.	790402-06-XXXX/972/PB/1997	Oktober 2003	3,750.00	2,575.50
14.	A131XXXX/962/UKM/1996	Oktober 2003	1,500.00	1,030.20
15.	A338XXXX/962/UITMB/1996	Disember 2003	3,000.00	2,040.00
16.	A369XXXX/961/UITMB/1996	Disember 2003	3,000.00	2,040.00
17.	820124-06-XXXX/1/PR-SPM/2000	Jun 2004	1,800.00	1,188.00
18.	770920-06-XXXX/982/UITMT/1998	Jun 2004	2,000.00	1,320.00
19.	800310-06-XXXX/981/MIZA BALOK/1998	Oktober 2004	4,200.00	2,716.56
20.	791101-08-XXXX/982/UITMB/1998	Disember 2004	2,500.00	1,600.00
21.	A 345XXXX/961/UITMB/1996	Mac 2005	3,750.00	2,362.50
22.	790302-06-XXXX/991/MIZA TEMER/1999	Jun 2005	4,800.00	2,976.00
23.	800411-14-XXXX/982/MIZA BALOK/1998	Jun 2005	4,800.00	2,976.00
24.	760119-02-XXXX/981/CTES/1998	Ogos 2005	6,000.00	3,679.20
25.	A322XXXX/981/UITMT/1998	Ogos 2005	3,300.00	2,023.56
26.	670117-01-XXXX/971/UPM/1997	Oktober 2005	1,750.00	1,061.90
27.	700529-06-XXXX/901/UTMJ/1990	November 2005	7,000.00	4,222.40
28.	A336XXXX/951/PC/1995	November 2005	1,800.00	1,085.76
29.	770208-06-XXXX/991/MIZA PKN/1999	Januari 2006	4,600.00	2,745.28
30.	820603-06-XXXX/2/IKIP-UITM/2000	Januari 2006	5,080.00	3,031.74

BIL.	NOMBOR FAIL PEMINJAM	BULAN TERAKHIR JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	PENALTI SEPATUTNYA DIKENAKAN MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT* (RM)
31.	A381XXXX/952/PRA SAINS IKIP/1995	Februari 2006	5,300.00	3,143.96
32.	507XXXX/981/IKIP-UPM/1998	Mac 2006	4,725.00	2,787.75
33.	A301XXXX/942/UITMT/1994	Mac 2006	2,000.00	1,180.00
34.	800509-06-XXXX/991/PTM/1999	April 2006	4,000.00	2,347.20
35.	A 382XXXX/962/KIPSAS/1996	Mei 2006	6,600.00	3,849.12
36.	790818-06-XXXX/981/UITMB/1998	Mei 2006	3,000.00	1,749.60
37.	810612-06-XXXX/992/MIZA JG/1999	Julai 2006	4,800.00	2,768.64
39.	790509-06-XXXX/2/IKIP-UITM/2000	Julai 2006	3,590.00	2,070.71
39.	781121-06-XXXX/971/UITMB/1997	Oktober 2006	2,500.00	1,417.00
40.	811121-06-XXXX/1/MIZA BALOK/2000	Disember 2006	4,800.00	2,688.00
JUMLAH			132,845.00	84,460.58

Sumber: Rekod Pinjaman YP

Nota: (*) - Penalti 4% dikenakan terhadap jumlah pinjaman berdasarkan bulan terakhir jadual bayaran balik pinjaman

b. Pinjaman Yang Tertunggak Berjumlah RM355,416 dan Tidak Dikenakan Penalti Berjumlah RM130,785

Seramai 55 atau 57.9% peminjam ada membuat bayaran balik namun masih mempunyai tunggakan berjumlah RM355,416. Peminjam ini tidak dikenakan penalti seperti yang disyaratkan. Berdasarkan pengiraan Audit, penalti yang sepatutnya dikenakan terhadap peminjam tersebut adalah berjumlah RM130,785. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENALTI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PEMINJAM YANG TERTUNGGAK

BIL.	NOMBOR FAIL PEMINJAM	BULAN TERAKHIR JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN	TARIKH AKHIR BAYARAN*	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAKI PINJAMAN (RM)	PENALTI SEPATUTNYA DIKENAKAN MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT** (RM)
1.	A120XXXX/921/UITMB/1992	September 1998	25.06.2015	2,700.00	2,222.00	579.50
2.	617XXXX/901/UM/1990	September 2000	31.12.2014	10,780.00	4,780.00	1,338.40
3.	A369XXXX/972/UITMC/1997	Jun 2003	31.12.2014	2,500.00	1,706.00	477.68
4.	820503-06-XXXX/1/PR-SPM/2000	Mac 2008	31.12.2014	1,800.00	1,450.00	406.00
5.	A146XXXX/941/UITMB/1994	November 2003	31.12.2014	16,094.00	6,594.00	1,846.32
6.	760705-06-XXXX/941/KURZA/1994	April 2004	31.12.2014	7,350.00	2,500.00	700.00
7.	731XXXX/901/U.AZHAR/1990	Jun 2005	23.11.2021	23,765.00	14,165.00	56.66
8.	790119-06-XXXX/991/MIZA PKN/1999	April 2006	01.07.2006	4,800.00	3,612.00	2,240.88
9.	800513-06-XXXX/1/MIZA BALOK/2000	November 2006	31.12.2014	4,900.00	3,900.00	1,092.00
10.	580510-06-XXXX/951/MBA/1995	November 2006	31.12.2014	21,000.00	20,400.00	5,712.00
11.	596XXXX/901/UITMB/1990	Disember 1997	31.12.2014	5,000.00	4,730.00	1,324.40
12.	800801-06-XXXX/992/PC/1999	Disember 2003	01.01.2008	2,000.00	1,600.00	896.00
13.	830325-06-XXXX/12/IKIP BS/2001	Disember 2005	01.03.2006	2,200.00	2,028.00	1,285.75

BIL.	NOMBOR FAIL PEMINJAM	BULAN TERAKHIR JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN	TARIKH AKHIR BAYARAN*	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAKI PINJAMAN (RM)	PENALTI SEPATUTNYA DIKENAKAN MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT** (RM)
14.	800501-06-XXXX/991/MIZA BALOK/1999	Disember 2005	31.12.2014	3,900.00	3,200.00	896.00
15.	A338XXXX/941/IKIP KLC/1994	Januari 2000	31.12.2014	3,220.00	1,970.00	551.60
16.	A092XXXX/901/UKM/1990	Januari 2001	31.12.2014	12,600.00	5,588.00	1,564.64
17.	A120XXXX/882/UTMJ/1988	Januari 2003	31.12.2014	14,350.00	12,829.00	3,592.12
18.	621XXXX/932/UITMB/1993	Julai 2002	31.12.2014	7,000.00	4,662.00	1,305.36
19.	A057XXXX/191/U.AZHAR/2019	Julai 2004	31.12.2014	16,013.50	9,013.50	2,523.78
20.	A120XXXX/962/UITMB/1996	Julai 2005	31.12.2014	7,000.00	3,221.25	901.95
21.	790408-06-XXXX/981/IKIP BS/1998	Julai 2005	31.12.2014	3,240.00	2,940.00	823.20
22.	790915-06-XXXX/992/PT/1999	Julai 2006	31.12.2014	4,500.00	2,621.25	733.95
23.	770621-06-XXXX/952/PB/1995	Mac 2002	09.09.2009	2,300.00	1,750.00	862.40
24.	A014XXXX/902/U.AZHAR/1990	Mac 2005	31.12.2014	29,835.00	29,005.00	8,121.40
25.	820419-06-XXXX/991/MIZA PKN/1999	Mac 2006	31.12.2014	4,900.00	3,184.00	891.52
26.	633XXXX/901/UITMB/1990	Ogos 2000	31.12.1985	10,350.00	10,094.00	14,543.44
27.	A132XXXX/901/UPMS/1990	Ogos 2000	01.01.2008	10,725.00	7,114.00	3,983.84
28.	A322XXXX/942/UITMD/1994	Ogos 2001	31.12.2014	2,600.00	2,250.00	630.00
29.	624XXXX/901/U.AZHAR/1990	Ogos 2002	03.04.2003	16,200.00	15,650.00	11,743.76
30.	780521-06-XXXX/981/MIZA BALOK/1998	Oktober 2004	31.12.2014	4,200.00	2,450.00	686.00
31.	A 345XXXX/971/UITMC/1997	Oktober 2005	31.12.2004	4,000.00	2,300.00	644.00
32.	A322XXXX/942/PC/1994	April 2000	31.12.2014	2,400.00	2,300.00	1,564.00
33.	604XXXX/901/UM/1990	September 2000	31.12.2014	10,780.00	6,880.00	4,678.40
34.	596XXXX/901/UM/1990	September 2000	31.12.2014	10,780.00	9,680.00	6,582.40
35.	A217XXXX/921/UITMB/1992	September 2000	31.12.2014	3,200.00	2,589.00	1,760.52
36.	A088XXXX/901/UITMB/1990	Jun 2001	31.12.2014	8,750.00	8,258.00	5,615.44
37.	751126-06-XXXX/932/KURZA/1993	Jun 2004	31.12.2014	7,750.00	3,804.94	1,065.38
38.	0800XXXX/971/UITMB/1997	September 2005	31.12.2014	3,500.00	2,720.00	761.60
39.	800904-06-XXXX/982/UITMB/1998	September 2006	10.02.2020	4,000.00	2,450.00	185.22
40.	A199XXXX/912/PC/1991	Disember 1998	31.12.2014	3,000.00	2,809.00	786.52
41.	731XXXX/901/UITMB/1990	Disember 1999	31.12.2014	8,625.00	2,797.00	783.16
42.	576XXXX/901/USMP/1990	Disember 2000	31.12.2014	11,520.00	7,565.00	2,118.20
43.	539XXXX/191/USA/2019	Disember 2005	31.12.2014	81,411.48	51,887.48	14,528.49
44.	A2379389/901/PC/1990	Februari 1995	31.12.2014	1,800.00	1,677.00	469.56
45.	A010XXXX/901/U.AZHAR/1990	Januari 2003	31.12.2014	23,830.69	12,502.69	3,500.75
46.	579XXXX/932/UPMS/1993	Januari 2006	31.12.2014	12,250.00	11,458.00	3,208.24
47.	831XXXX/932/UITMPA/1993	Julai 2002	31.12.2014	7,000.00	6,900.00	1,932.00
48.	740303-06-XXXX/991/UITMB/1999	Julai 2003	31.12.2014	4,800.00	4,310.00	1,206.80
49.	A246XXXX/921/UITMB/1992	Mac 1996	31.12.2014	2,800.00	1,924.00	538.72
50.	640XXXX/901/UIA/1990	Mac 1998	31.12.2014	3,500.00	2,605.00	729.40
51.	A282XXXX/922/UITMT/1992	Mac 2000	31.12.2014	2,800.00	2,700.00	756.00
52.	586XXXX/901/UM/1990	Mei 2006	31.12.2014	8,830.00	8,730.00	2,444.40
53.	A357XXXX/952/UITMT/1995	Ogos 2002	31.12.2014	2,800.00	1,840.00	515.20

BIL.	NOMBOR FAIL PEMINJAM	BULAN TERAKHIR JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN	TARIKH AKHIR BAYARAN*	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAKI PINJAMAN (RM)	PENALTI SEPATUTNYA DIKENAKAN MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT** (RM)
54.	A152XXXX/931/UITMB/1993	Ogos 2002	31.12.2014	2,400.00	1,730.00	484.40
55.	A090XXXX/901/UITMB/1990	Oktober 1998	31.12.2014	6,250.00	5,770.00	1,615.60
JUMLAH				496,599.67	355,416.11	130,784.95

Sumber: Rekod Pinjaman YP

Nota: (*) - 31 Disember 2014 merupakan tarikh akhir bayaran seperti dalam Penyata Bayaran Balik Peminjam daripada SISPEN

(**) - Penalti 4% dikenakan terhadap baki pinjaman daripada tarikh akhir bayaran oleh peminjam

4.1.7. Perkara di atas berlaku disebabkan YP tidak mengeluarkan surat peringatan dan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang telah ditetapkan. YP juga tidak menguatkuasakan klausa tindakan caj penalti seperti yang termaktub dalam perjanjian atas pendirian bahawa YP merupakan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan.

4.1.8. Kelewatan YP mengambil tindakan undang-undang yang melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Akta Had Masa menyebabkan YP berisiko untuk kehilangan hasil bayaran balik pinjaman pendidikan berjumlah RM488,261 dan penalti berjumlah RM215,246.

Maklum Balas Yayasan Pahang pada 19 Mei dan 1 September 2022

Tindakan pengesanan peminjam-peminjam melalui sistem SISPEN telah dilaksanakan bermula pada tahun 2016. Kebanyakan nombor untuk dihubungi dan alamat adalah tidak aktif (pengesanan melalui SMS, telefon, email dan surat). Carian juga telah dibuat melalui Jabatan Pendaftaran dan 'third party search' bagi peminjam yang tidak dapat dikesan dan lebih 90% peminjam telah dapat dihubungi. Peminjam-peminjam yang berjaya dikesan ditawarkan dengan pelbagai skim bagi memudahkan bayaran dibuat termasuk penjadualan semula dan rebat. SISPEN juga boleh menjana laporan 'student debtor ageing' bagi tujuan pemantauan dan tindakan boleh dibuat secara berfokus. Segala tindakan dan komunikasi boleh dicapai dalam Rekod Komunikasi setiap peminjam.

YP juga telah mengadakan Kempen Diskaun 40% Bayaran Balik Pinjaman bagi tempoh 1 Ogos hingga 31 Disember 2022. Sehingga 31 Ogos 2022, sejumlah RM2.30 juta telah berjaya dikutip oleh YP melibatkan 236 peminjam.

Tiada tindakan undang-undang dikenakan dan dilaksanakan kepada peminjam-peminjam yang mempunyai tunggakan pada tahun semasa bermula tahun 2019 akibat pandemik Covid-19 bagi membantu meringankan beban peminjam-peminjam yang terjejas pendapatan mereka dan diperakui oleh Mesyuarat Lembaga Yayasan Pahang Bilangan 1 Tahun 2020.

Sejak penubuhan lagi YP tidak mengenakan tindakan caj penalti walaupun ada dinyatakan dalam perjanjian kerana YP merupakan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan dan mengutamakan kebajikan serta membantu masyarakat mendapat akses pendidikan yang baik. YP juga akan mengangkat pengecualian caj penalti terhadap peminjam dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YP untuk kelulusan.

Baki pinjaman bagi 95 peminjam yang telah melepasi Akta Had Masa juga akan diangkat kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YP untuk dilupuskan sebagai hutang lapuk.

Pernyataan Audit | Bayaran balik pinjaman pendidikan berjumlah RM488,261 dan penalti berjumlah RM215,246 yang tidak dikutip telah menyebabkan YP berisiko untuk kehilangan hasil.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan bayaran balik pinjaman pendidikan di YP telah diuruskan dengan teratur kecuali kutipan tunggakan bayaran balik yang tidak mengikut prosedur menyebabkan sebahagian peminjam masih tidak menjelaskan pinjaman dan penalti. Perkara ini turut mendedahkan YP kepada risiko kehilangan hasil.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan bayaran balik pinjaman pendidikan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan berkuat kuasa, YP perlu mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. mengambil tindakan tegas termasuk tindakan perundangan terhadap peminjam yang ingkar membayar balik pinjaman dengan mengikut proses yang telah ditetapkan; dan

6.2. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci terhadap bayaran balik selaras dengan peraturan yang ditetapkan.